

Pandangan Michael Wolfe terhadap Masyarakat dalam Travelog *The Hadj: An American Pilgrime to Mecca*

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 311-326
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 5 February 2025
Accepted: 25 February 2025
Published: 30 March 2025

[Michael Wolfe's View on Society in the Travelogue *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca*]

Muhammad Iman Mohd Zaini¹ & Firuz-Akhtar Lubis¹

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: p113791@siswa.ukm.edu.my; firuz@ukm.edu.my

*Corresponding Author: firuz@ukm.edu.my

Abstrak

Mualaf, atau individu yang baru memeluk agama Islam, lazimnya memerlukan bimbingan yang menyeluruh serta pendedahan yang mencukupi terhadap ajaran Islam bagi membina pemahaman yang kukuh tentang agama yang baru dianuti. Antara rukun Islam yang terpenting ialah ibadah haji, suatu perjalanan kerohanian yang amat bermakna bagi setiap Muslim, terutamanya bagi mualaf yang masih dalam proses memperdalam ilmu dan pengamalan agama mereka. Pengetahuan yang mencukupi serta keterlibatan reflektif terhadap ibadah haji dapat membantu mualaf membuat persediaan secara rohani dan praktikal. Satu daripada pendekatan untuk mendapatkan pendedahan ini ialah melalui pembacaan travelog haji yang menawarkan perspektif peribadi tentang pengalaman menunaikan ibadah tersebut. Kajian ini menganalisis *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca* karya Michael Wolfe, sebuah travelog yang mengisahkan pengalaman haji penulisnya yang juga merupakan seorang mualaf. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis pandangan Michael Wolfe terhadap masyarakat. Menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif, kajian ini berlandaskan Teori Spiritual Imam al-Ghazali. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan keyakinan Wolfe terhadap Islam dan kesedaran spiritualnya yang semakin mendalam, sekali gus memperlihatkan potensi transformasi rohani melalui ibadah haji. Kajian ini bukan sahaja memberi pencerahan terhadap perjalanan spiritual seorang mualaf, malah turut menyumbang kepada bidang kritikan sastera dengan menawarkan pembacaan yang mendalam terhadap perkembangan kerohanian dalam penulisan travelog. Selain itu, ia memperkaya kajian tentang travelog haji dengan menonjolkan peranannya dalam membentuk kesedaran beragama dan identiti dalam kalangan mualaf. Justeru, kajian ini mempunyai kepentingan bagi para sarjana yang meneliti aspek kerohanian Islam, serta dimensi kesusasteraan dalam karya berbentuk pengembaraan spiritual.

Kata kunci: Mualaf, Travelog Haji, Kerohanian Islam, Teori Spiritual Imam al-Ghazali, Kritikan Sastera

Abstract

Mualaf, or new converts to Islam, often require substantial guidance and exposure to Islamic teachings to develop a sound understanding of their faith. Among the central pillars of Islam is the hajj, a spiritual journey of immense significance for all Muslims, particularly for converts who are still deepening their knowledge and practice. Adequate knowledge and reflective engagement with the hajj can assist mualaf in preparing both spiritually and practically for the pilgrimage. One avenue for such engagement is through reading hajj travelogues, which offer personal insights into the pilgrimage experience. This study analyzes The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca by Michael Wolfe, a travelogue that narrates the pilgrimage experience of the author who is also a convert. Therefore, this study is conducted to analyze Michael Wolfe's perspective on society. Employing a qualitative content analysis method, this research is grounded in Imam al-Ghazali's Spiritual Theory.

The findings highlight Wolfe's growing conviction in Islam and his deepening spiritual awareness, illustrating the transformative potential of the pilgrimage. This study not only sheds light on the spiritual journey of a muallaf but also contributes to the field of literary criticism by offering a nuanced reading of spiritual development within travel writing. Furthermore, it enriches the study of hajj travelogues by highlighting their role in shaping religious consciousness and identity among new Muslims. As such, this work holds significance for scholars interested in Islamic spirituality, and the literary dimensions of pilgrimage.

Keywords: *Muallaf, Hajj Travelogue, Islamic Spirituality, Imam al-Ghazali's Spiritual Theory, Literary Criticism*



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Muhammad Iman Mohd Zaini & Firuz-Akhtar Lubis. (2025). Pandangan Michael Wolfe terhadap masyarakat dalam travelog *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca* [Michael Wolfe's view on society in the travelogue *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 311-326.

Pengenalan

Bagi Muslim yang mampu, haji adalah ibadah ziarah ke Mekah yang wajib dilakukan sekali seumur hidup. Untuk membolehkan golongan muallaf merancang dan melaksanakan haji dengan sempurna, adalah penting bagi mereka untuk mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik tentang subjek. Pelbagai sumber boleh digunakan untuk mendedahkan dan membaca tentang haji, termasuk travelog haji. Ia menarik kerana ia memberikan gambaran tentang keadaan, perasaan dan cara orang melakukan kembara haji.

Kateman (2020) menyatakan travelog haji diteliti untuk memahami pandangan peribadi penulis tentang individu, orang lain, dan lokasi. Ia tidak hanya berfokus pada informasi tentang haji atau Hijāz, tetapi juga pada bagaimana penulis mengungkapkan citra publik yang sesuai dengan norma sosial pada waktu itu. Oleh itu, travelog Haji telah banyak dikaji kerana kesusasteraan yang berkualiti tinggi dan keupayaan penulis untuk berkongsi pengalaman dan perasaan. Pengkaji berpendapat bahawa travelog haji yang ditulis oleh seorang muallaf adalah penting kerana ia membantu pembaca memahami haji dan agama Islam dengan lebih baik. Seorang muallaf boleh menulis travelog haji untuk membantu orang lain memahami apa yang akan mereka alami semasa menjalani haji.

Seseorang muallaf memiliki pandangan dan pemahaman yang berbeza tentang Islam dan ibadah haji dibandingkan dengan Muslim yang lahir dalam keluarga Muslim. Travelog haji yang ditulis oleh muallaf memberikan perspektif unik yang berharga, memungkinkan golongan muallaf merasa dekat dengan penulis dan memahami bagaimana haji mempengaruhi kehidupan mereka. Memandangkan kepentingan dan faedah travelog haji oleh seorang muallaf, pengkaji akan menganalisis travelog berjudul *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca* oleh seorang muallaf dari Amerika yang bernama Michael Wolfe. Travelog haji ini menjadi pilihan kajian untuk menganalisis perjalanan kerohanian Michael Wolfe yang mempunyai semangat tinggi

dalam mendalami ilmu agama dan melaksanakan ibadah haji dengan bimbingan kenalannya. Kajian ini akan memfokuskan pandangan Michael Wolfe terhadap masyarakat dari dua subtema iaitu masyarakat berilmu dan masyarakat yang bebas beribadah dengan menggunakan Teori Spiritual Imam Ghazali.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menerusi menganalisis teks. Dua langkah diambil untuk menjalankan kajian ini iaitu pengumpulan data dan penganalisan data. Bahan bacaan perpustakaan adalah kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji. Antara bahan berautoriti yang digunakan seperti artikel jurnal, buku, prosiding, dan tesis. Penganalisan data menerusi petikan teks yang berkaitan dengan pandangan Michael Wolfe terhadap masyarakat dalam karya kembara *The Hady: An American Pilgrimage to Mecca* bersandarkan kepada teori Spiritual Imam al-Ghazali.

Teori Spiritual Imam al-Ghazali

Penggunaan teori spiritual Imam al-Ghazali dalam kajian ini adalah berdasarkan karyanya berjudul *Ihya Ulumuddin*. Teori ini diaplikasikan bertujuan mencerminkan sikap dan tindakan seseorang individu yang berpegang kepada prinsip agama Islam. Di samping itu, teori ini juga memberi penekanan kepada pendidikan rohani yang dikenali sebagai tarbiyah ruhiyyah yang menekankan empat unsur iaitu *qalb*, *aql*, *nafs* dan *ruh* (Mahmud 2004; Iqbal 2013).




Rajah 1: Empat Unsur dalam Pendidikan Rohani berdasarkan Teori Spiritual Imam al-Ghazali (Mahmud 2004; Iqbal 2013)

Imam al-Ghazali (1998) dalam karyanya, *Ihya' 'Ulum al-Din*, menjelaskan istilah *qalb* mempunyai dua makna yang berbeza. Yang pertama merujuk kepada jantung fizikal, bekuan darah yang terletak di sebelah kiri dada, yang dianggap sebagai pusat jiwa dan kehidupan. Makna kedua berkaitan dengan unsur kerohanian dalaman, halus dalam diri yang mempunyai dimensi ketuhanan, berkait rapat dengan hati fizikal tetapi tidak hadir secara fizikal.

Nafs turut mempunyai dua maksud. Pertama dorongan marah dan nafsu dalam diri dan kedua hakikat manusia yang dinyatakan dengan pelbagai sifat (al-Ghazali 1967). Terdapat tiga

jenis *nafs*: *al-nafs al-mutma'innah*, *al-nafs al-lawwamah*, dan *al-nafs al-ammarah*. *Aql* memiliki dua pengertian. Pertama, sebagai pengetahuan sifat benda yang menjadi intipati ilmu dalam hati. Kedua, sebagai pemahaman ilmu dengan hati yang lembut. Unsur terakhir, iaitu *ruh* yang didefinisikan sebagai jasad halus dari hati fizikal yang menyebar ke seluruh badan serta kewujudan halus yang mendorong manusia untuk memahami (al-Ghazali 2003).

Oleh kerana itu, kajian ini menganalisis pandangan Wolfe sebagai mualaf terhadap masyarakat dalam travelog hajinya berjudul, *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca*, dengan menggunakan teori Spiritual Imam al-Ghazali sebagai kerangka analisis. Penjelasan berkaitan dengannya adalah seperti yang berikut:



Rajah 2: Kerangka Konseptual (Pengkaji 2025)

Gambar rajah di atas memaparkan kerangka yang akan diaplikasikan dalam kajian ini. Perbincangan dalam kajian ini berdasarkan sebuah travelog karya kembara seorang mualaf dari Amerika bernama Michael Wolfe. Beliau telah mengembara ke Maghribi untuk mempelajari agama Islam dan seterusnya mengembara ke Arab Saudi di Mekah bagi melaksanakan rukun Islam kelima, iaitu ibadah haji. Pengembaraan beliau telah dipersembahkan dalam bentuk travelog haji berjudul *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca*. Dalam menganalisis petikan teks terpilih, teori Spiritual Imam al-Ghazali digunakan sebagai kayu ukur.

Analisis setiap petikan teks yang dipilih menggunakan empat unsur pendidikan rohani menerusi teori Spiritual Imam al-Ghazali dalam kitab berjudul, *Ihya' 'Ulum al-Din*. Antaranya *al-ruh* (roh), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (jiwa) dan *al-aql* (akal). Dengan mengaplikasikan empat unsur pendidikan rohani dalam teori Spiritual ini, penelitian dapat dilakukan dengan lebih lanjut terhadap pandangan Wolfe dalam kembara hajinya terhadap masyarakat.

Latar Belakang Michael Wolfe

Michael Wolfe dilahirkan pada 3 April 1945 di Amerika Syarikat. Beliau merupakan seorang penyair, penulis, dan penerbit filem (Anon 2014). Beliau membesar di Cincinnati, Ohio, melanjutkan pelajaran dalam bidang klasik di Universiti Wesleyan pada tahun 1968 dan menetap di California Utara (Anon 2014). Wolfe dari semasa ke semasa bertugas sebagai tenaga

pengajar dalam bidang penulisan dan sastra di Phillips Exeter Academy, Phillips Andover Academy, California State Summer School for the Arts serta di University of California, Santa Cruz. Beliau merupakan penceramah sambilan tentang isu-isu Islam di universiti seperti Stanford, Harvard, Georgetown, SUNY Buffalo, dan Princeton (Anon 2014). Dalam dunia penulisan, beliau telah berjaya menghasilkan pelbagai karya yang merupakan buah tangan beliau sendiri. Antara karyanya ialah seperti *World Your Own*, *How Love Gets Around*, *Invisible Weapons*, *The Hadj: An American's Pilgrimage to Mecca*, *The Hadj: A Pilgrimage to Mecca*, *One Thousand Roads to Mecca: Ten Centuries of Travelers Writing about the Muslim Pilgrimage*, *Taking Back Islam: American Muslims Reclaim Their Faith*, *In Morocco*, *Greek to Me*, *Tarantella* dan *Paradise: Reading Notes* (Anon 2014).

Wolfe dengan penuh keyakinan memeluk agama Islam secara rasmi pada tahun 1989 selepas lebih sedekad mendalami dan mempertimbangkan keputusan tersebut (Wolfe 1993: 32). Beliau menunjukkan minat yang mendalam terhadap agama Islam. Ini disebabkan oleh keinginan beliau untuk meneroka dimensi spiritual (Wolfe 1993: 25). Beliau ingin mencari unsur-unsur upacara, rutin harian untuk menajamkan rasa dan membentuk minda yang berdisiplin. Semakin Wolfe mempelajari Islam, semakin ia kelihatan sesuai dengan apa yang dia mahu (Wolfe 1993: 27). Beliau telah mengembara beberapa negara. Wolfe (1997) dalam penulisan berjudul, *One Thousand Roads to Mecca: Ten Centuries of Travelers Writing about the Muslim Pilgrimage* menyatakan beliau menghabiskan tiga tahun mengembara di Afrika Utara dan Barat ketika muda. Terdapat banyak negara di Afrika Utara dan Barat yang majoriti penduduknya beragama Islam. Wolfe bercampur dengan sekumpulan orang kulit hitam dari suku yang berbeza, seperti Arab, Berber, dan Eropah Muslim. Wolfe dan individu yang mempunyai warna kulit yang luar biasa hampir tidak pernah mengalami sebarang masalah. Pada mulanya dialu-alukan, kebaikan Wolfe kemudiannya dinilai (Wolfe 1993: 25).

Sifat ingin tahu dan suka mengembara Wolfe mendorongnya sekitar tahun 1981 (Wolfe, 1993: 26). Selain itu, Wolfe melawat Maghribi pada banyak kesempatan (Wolfe, 1993: 30). Apabila dia mempunyai dana, tempat kegemaran beliau untuk melancong ialah Maghribi (Wolfe, 1993). Wolfe pergi ke Maghribi pada Mac 1990 dan menghabiskan tiga bulan di sana. Tambahan pula, beliau berminat untuk mempelajari tentang Islam di Maghribi (Wolfe 1993: 22). Beliau menghabiskan bulan Ramadan di negara Islam tradisional yang dia cintai dan kenal, jadi dia memutuskan untuk bermula di Maghribi. Wolfe telah menunaikan haji ke Mekah, Arab Saudi, pada Jun 1990 (Wolfe, 1997: 589).

Latar Belakang *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca*

Karya Wolfe bertajuk, *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca* mengisahkan pengalaman dan pemerhatiannya semasa mengerjakan ibadah haji. Travelog ini adalah karya asli yang ditulis oleh Wolfe. Karya ini diterbitkan di New York pada 1993 dan menggunakan bahasa Inggeris dan beberapa perkataan Perancis. Di samping itu, karya ini mengandungi 311 muka surat termasuk kulit hadapan dan belakang. Travelog haji Wolfe ditulis dalam genre catatan kembara, terdiri daripada dua belas bab dan dua bahagian. Bahagian pertama buku itu membincangkan kembara Wolfe ke Maghribi, manakala bahagian kedua membincangkan kembaranya ke Mekah.

Wolfe menceritakan perasaannya tentang pengembaraannya ke Mekah dalam *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca*. Beliau juga menceritakan sebab yang mendorongnya untuk mengembara. Wolfe banyak mengumpulkan maklumat dan fakta tentang Mekah dan haji daripada para pengembara yang terkenal. Beliau banyak berhutang budi kepada pemandu dan sahabat yang memberitahunya tentang fakta, pandangan dan tarikh dari segi geografi dan budaya. Menurut Wolfe (1993), untuk ejaan perkataan arab dalam bahasa inggeris, beliau menggunakan sistem Perpustakaan Kongres di kebanyakan tempat. Hal ini kerana sistem ini mengekalkan pendekatan yang lebih fonetik untuk nama orang. Karya Wolfe mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembaca. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa laman web seperti *Goodreads* dan *Amazon* yang berfungsi sebagai jalan untuk membeli karya tersebut. Malah, pelbagai komen yang positif diterima dalam sambutan mereka terhadap karya tersebut. Tinjauan pada laman web *Amazon* menunjukkan *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca* adalah dalam dikategorikan sebagai jualan terlaris.

Sinopsis *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca*

Orang Amerika masih percaya bahawa Islam adalah agama asing dan bahawa orang Islam membezakan orang Amerika daripada orang lain. Malcolm X's autobiografi menceritakan kisah ziarahnya ke Mekah pada tahun 1960-an, yang menjadikannya gambaran Muslim Amerika yang paling terkenal. Selain itu, kisah Wolfe tentang ziarahnya pada tahun 1990 telah meningkatkan penghayatan Muslim yang beriman terhadap Islam dalam simpulan bahasa Amerika. Warisan Malcolm yang menghapuskan keasingan Islam kini dipertingkatkan (Commins 2009).

Karya travelog Wolfe mempunyai dua bahagian. Melihat pada bahagian pertama pada awalnya, beliau bercakap tentang keputusannya untuk memeluk Islam dan tindakan pertamanya, mengembara ke Mekah dan tinggal di Maghribi selama dua bulan. Wolfe juga menceritakan permulaan hidupnya, di mana dia pada mulanya tidak puas hati dengan kedua-dua agamanya, iaitu Yahudi dan Kristian. Ia kelihatan seperti Islam menawarkan “kumpulan istilah pemikiran spiritual yang dapat diterapkan dalam kehidupan yang saya jalani sekarang (hlm. 7)”. Dua tahun sebelum perjalanannya, ia menjadi Islam. Dalam posisinya sebagai ‘pengumpul musafir’, beliau bersemangat untuk menjalankan ibadah haji di Mekah (Commins 2009).

Pada April 1990, Wolfe mengembara ke Maghribi. Di sana, beliau menghabiskan Ramadan dan mempersiapkan diri untuk menunaikan haji pada bulan Julai dan bertemu masyarakat Islam yang paling dikenalnya. Beliau mengunjungi Maghribi sebanyak dua kali. Pada mulanya, Wolfe takut yang orang Maghribi tidak akan menganggapnya sebagai ‘Islam sejati’. Justeru pada hari pertamanya di Tangier, iaitu hari Jumaat, beliau tidak dapat pergi ke masjid untuk solat. Hal ini kerana Wolfe khuatir akan mencetuskan reaksi marah apabila jemaah haji menyangkannya sebagai pelancong Barat yang ingin tahu dan bukannya Muslim bermata biru. Di atas rerumputan di sebelah masjid, dia memutuskan untuk bersolat di situ (Commins 2009).

Wolfe berada di Maghribi dan mencari Mustafa, seorang lelaki yang pernah ditemuinya dalam perjalanan yang sebelum ini. Mustafa dan ahli keluarganya menyambutnya dan


menzahirkan penghargaan atas keislaman Wolfe dan keinginan mereka untuk mengajar Wolfe mengenai Islam. Beliau diajar amalan bersalaman, cara berwuduk, makna isyarat solat, dan kesusahan dan kesenangan berpuasa. Tambahan pula, dia belajar untuk “memikirkan dunia sebagai sebuah buku, di mana orang melihat tulisan tetapi tidak memahami maksudnya”, dia mula belajar dari alam semula jadi di tempat yang dilaluinya (Commins 2009).

Dalam bahagian kedua buku itu, Wolfe menerangkan tentang perjalanan haji di Mekah. Beliau mencari kawan baru, bahan bacaan baru dan aspek kehidupan baru sebagai seorang Muslim. Kebanyakan kenalan baru yang dijumpainya adalah orang Islam dari Amerika yang lain, dari Atlanta, Chicago dan Denver, serta orang dari Algeria dan Lubnan. Wolfe dengan teliti menerangkan setiap bahagian haji dari pelbagai ritual yang dilakukan, apa dimaksudkan haji kepada Wolfe dan cabaran fizikal yang dihadapi oleh beliau di beberapa lokasi. Pada ketika itu merupakan musim panas yang sibuk dan apabila Wolfe tiba di Mekah, beliau memakai ihram putih. Beliau pergi ke Masjid al-Haram untuk tawaf pertama dan mencari ketenangan di tempat suci itu (Commins 2009).

Bahagian subteks buku ini membincangkan bagaimana menjadi seorang Muslim mengubah perspektif Wolfe tentang dunia dan tempatnya di dalamnya. Beliau menjadikan amalan dan kepercayaan Islam bermakna sebagai orang Amerika dengan sentiasa memerhati, meniru dan mempersoalkan perlakuan sahabat. Beliau belajar banyak tentang makna Islam kerana dia tidak dilahirkan dalam keluarga Islam. Wolfe menunjukkan kekuatan identiti orang Amerika dan Islamnya (Commins 2009).

Analisis dan Perbincangan

Analisis dan perbincangan ini adalah berdasarkan pandangan Wolfe, iaitu seorang mualaf yang mengerjakan haji terhadap masyarakat. Analisis terhadap masyarakat dibahagikan kepada dua iaitu masyarakat berilmu dan masyarakat yang bebas beribadah. Analisis ini turut mengaplikasikan teori Spiritual Imam al-Ghazali. Berikut merupakan gambar rajah berkenaan analisis dalam artikel ini.



Rajah 3: Pandangan Wolfe terhadap Masyarakat berdasarkan Travelog
The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca

Gambar rajah di atas menunjukkan pandangan Wolfe terhadap masyarakat berilmu dan masyarakat bebas beribadah. Analisis tersebut berdasarkan travelog haji yang ditulis oleh Wolfe berjudul, *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca*. Oleh itu, berdasarkan karya tersebut, analisis pandangan Wolfe terhadap masyarakat adalah seperti dalam subtema berikut.

Pandangan Michael Wolfe terhadap Masyarakat Berilmu

Wolfe menzhahirkan kekaguman terhadap masyarakat Islam yang mempunyai pengetahuan tentang haji. Melakukan ibadah haji dengan pemahaman yang sebenar tentang ilmu ibadah haji dan melaksanakannya dengan tersusun dan sistematik merupakan satu perkara yang mustahak untuk memastikan umat islam memperoleh haji yang mabrur (Edruce et al. 2014). Setiap orang yang melaksanakan ibadah dengan betul akan mendapat ilmu praktikal dan pemahaman yang jelas tentang cara melaksanakannya (al-Ghazali 1998). Disebabkan mualaf tidak dilahirkan dalam agama Islam, adalah lebih penting bagi mereka untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang Islam supaya mereka boleh menerapkan syariat Islam dalam kehidupan mereka (Adul 2014).

Apabila mualaf memperoleh ilmu pengetahuan yang begitu menarik dari seseorang yang mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang Islam, mereka akan berasa lebih kagum terhadap Islam dan ingin belajar dengan mendalam. Oleh itu, hal ini berkait rapat dengan petikan yang terdapat dalam travelog Wolfe (1993: 249-250), iaitu *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca* seperti berikut:

I, too, wondered about the pilgrim laws. The forms of the hadj seemed so open; yet now and then you came upon a rule that could wreck your efforts if you broke it. You performed sa'y after tawaf, never before; if you reached Arafat too late, your hadj was void. Mardini now repeated a hadith that allowed the weak to beat the crowds to Mina. His studied quotation impressed me. I had so often thought of Mardini as my roommate, just one more pilgrim in the party, that sometimes I forgot his erudition. All the sheikhs addressed him as imam.

Maksudnya:

Saya masih tertanya-tanya mengenai tatacara haji. Prosedur haji nampak sangat percuma. Namun, kadangkala syariat tersebut jika dilanggar, boleh memusnahkan segala amal ibadah haji. Contohnya, sai mesti dilakukan selepas tawaf, tidak pernah sebelum ini. Jika anda tiba di Arafah terlalu lewat, haji anda boleh dibatalkan. Mardini kini mengulangi hadis yang membolehkan orang-orang yang lemah untuk mengelakkan orang ramai di Mina. Petikan hadis tersebut memberi kesan kepada saya. Selalunya saya menganggap Mardini sebagai rakan sebilik saya sehingga kadang-kadang saya lupa ilmunya. Semua syekh memanggilnya sebagai Imam (Pengkaji 2025).

Berdasarkan petikan di atas, Wolfe merasa hairan terhadap peraturan haji disebabkan beliau yang baru menjadi mualaf. Hal ini kerana peraturan haji mempunyai pelbagai bentuk. Dalam melaksanakan haji, setiap daripada jemaah tidak boleh melanggar peraturan haji yang ditetapkan. Sekiranya tertinggal sesuatu peraturan dalam ibadah haji akan menyebabkan ibadah haji menjadi tidak sah.

Ketika menginap hotel di kawasan Mekah, Wolfe telah ditempatkan untuk sebilik dengan kenalan baharunya yang bernama Mardini. Suatu hari, Wolfe telah mendengar dan berasa terpersona terhadap potongan hadis yang diulang oleh Mardini. Wolfe berasa sangat

kagum dengan Mardini yang mempunyai keilmuan yang tinggi walaupun beliau anggap Mardini hanya rakan sebiliknya sahaja. Hadis yang dibaca oleh Mardini mengenai jemaah yang dalam keadaan lemah tetapi dapat mengatasi lautan manusia. Daripada hadis yang dibaca oleh Mardini, ia berkait rapat dengan kelonggaran diberikan kepada orang yang dalam keadaan uzur untuk ke Mina selepas berada di Mudzhalifah.

Mereka yang memeluk agama Islam dari agama terdahulu akan disebut sebagai mualaf. Penukaran mereka ke agama Islam boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Tujuan mereka untuk memeluk Islam ini boleh dikategorikan sebagai peribadi dan aktif, bukannya bermasyarakat dan pasif (Uhlmann 2015). Antara faktor mereka memeluk agama Islam adalah dari segi intelek mahupun pengalaman sosial. Malah, juga pengaruh agama menjadi motif untuk mualaf memeluk Islam. Ramai pemeluk Islam tertarik kepada kebenaran yang mereka fahami dalam ajaran Islam dan mencari hubungan rohani yang bersesuaian dengan diri mereka (Majid et al. 2016).

Dalam konteks haji, iaitu ziarah tahunan ke Mekah yang wajib dilakukan oleh umat Islam sekurang-kurangnya sekali seumur hidup jika mampu dari segi fizikal dan kewangan, mualaf mungkin mengalami satu set dinamik psikologi yang unik (Haq & Jackson 2009). Ibadah haji merupakan peristiwa penting bagi mualaf kerana ia melambangkan komitmen mereka terhadap kepercayaan baharu mereka dan integrasi mereka ke dalam masyarakat Islam global (al-Ajarma 2021). Dalam perihal ibadah haji, psikologi boleh mempengaruhi beberapa aspek seperti akhlak, politik, sosial dan ekonomi haji. Bukan itu sahaja, malah psikologi berperanan dalam mengubah tingkah laku manusia terutamanya apabila manusia berkomunikasi dengan manusia lain sama ada secara interpersonal, kumpulan atau massa (Fuadia 2020).

Orang yang memeluk Islam mungkin mempunyai perspektif yang berbeza berbanding dengan orang Islam yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang haji. Sesetengah orang yang telah memeluk Islam mungkin mempunyai kekaguman dan penghormatan yang besar kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam mengerjakan haji (Coulibaly et al. 2016). Sesetengah orang mualaf mungkin ada perasaan ragu-ragu atau berhati-hati tentang kredibiliti dan ketulenan pengetahuan dan kepakaran mereka yang mempunyai ilmu yang mendalam tentang haji (Bokhary et al. 2020). Tambahan pula, tahap pengetahuan mualaf dan kefahaman haji juga boleh mempengaruhi persepsi mereka terhadap umat Islam yang mempunyai pemahaman yang luas tentang ibadah haji.

Pengetahuan tentang haji adalah signifikan terhadap mualaf kerana dapat membantu mereka dalam memahami ritual dan amalan yang berkaitan dengan ibadah haji (Goni et al. 2020). Bahkan jika mereka mempunyai pengetahuan haji, mereka boleh mengambil bahagian sepenuhnya dalam pengalaman haji dan terlibat dalam interaksi penting dengan jemaah haji lain (Caidi 2023). Dalam pada itu, pengetahuan tentang haji membolehkan umat Islam baru untuk mengemudi fasa selepas haji dan memahami pengalaman mereka (Ramadanti et al. 2022).

Sebahagian besar golongan mualaf sedar untuk perlu banyak belajar mengenai Islam. Akan tetapi, adakala mereka menghadapi masalah kurang motivasi untuk belajar. Amat mustahak bagi mualaf mempunyai motivasi belajar kerana untuk memberi galakan mualaf belajar lebih banyak berkaitan Islam supaya mereka menjadi orang yang berilmu (Hamjah 2021: 120). Ilmu pengetahuan sangat penting dalam Islam yang dilihat sebagai keperluan

manusia untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan memudahkan untuk mengenali Tuhan. Islam memandang bahawa ilmu adalah sebahagian daripada pelaksanaan kewajipan manusia sebagai makhluk Allah SWT yang berakal (Supriatna 2019). Allah SWT juga telah berfirman dalam surah al-Mujadalah, ayat 11 seperti berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا بَفْسَحِ اللَّهِ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ انشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ
الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ (11)

Mafhumnya: Wahai orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah sebolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan.

Menerusi teori spiritual Imam al-Ghazali, kekaguman mualaf terhadap orang Islam mempunyai pengetahuan tinggi dalam ilmu Islam dapat dikait dengan unsur *Aql*. Menurut Imam al-Ghazali (1994), *Aql* didefinisikan sebagai hakikat untuk mengetahui setiap pengetahuan. Oleh kerana itu, akal itu seperti hasil dari pengetahuan yang disimpan di dalam hati. Melalui *Aql*, manusia dapat berfikir berkenaan ilmu yang disampaikan oleh orang Islam. Bukan itu sahaja, malah ilmu tersebut mualaf boleh memanfaatkan dan menggunakannya dalam kehidupan mereka sebagai praktikal dalam sesuatu ibadah.

Dalam pada itu, prinsip teori spiritual Imam al-Ghazali yang berkaitan dengan kekaguman mualaf terhadap pengetahuan yang dimiliki oleh orang Islam adalah Tazkiyah Nafs dan Akhlak Karimah. Imam al-Ghazali berpendapat bahawa tazkiyah al-nafs adalah usaha untuk membersihkan jiwa seseorang supaya tidak terpengaruh oleh sifat tercela. Oleh kerana itu, kekaguman terhadap orang islam mempunyai pengetahuan tentang haji dapat dibuktikan dalam petikan ketika Wolfe sabar dalam belajar berkenaan dengan haji meskipun beliau pertama kali melaksanakan haji.

Berdasarkan huraian dalam subtema ini, dapat dirumuskan bahawa wujudnya perasaan kagum dalam diri Wolfe terhadap orang Islam yang mempunyai pengetahuan agama Islam. Wujud perasaan kagum membuatkan Wolfe berasa tertarik dengan hadis yang diungkap oleh rakan sebiliknya yang seperti dalam petikan travelog tersebut. Kekaguman tersebut dapat dikait dengan teori spiritual Imam al-Ghazali dalam unsur *Aql* dan menerusi prinsip teori spiritual dikaitkan dengan Tazkiyah Nafs dan Akhlak Karimah. Justeru itu, pandangan Wolfe menerusi kekaguman terhadap orang islam mempunyai pengetahuan agama akan menjadikan beliau mempunyai keinginan untuk mendalami ilmu Islam.

Pandangan Michael Wolfe terhadap Masyarakat Bebas Ibadah

Secara umumnya, masyarakat yang berbeza dari segi bangsa, bahasa dan kulit sudah tentu mereka mempunyai hak-hak tertentu bagi membolehkan mereka menjalani sesuatu perkara dalam kehidupan mereka. Hal ini disebabkan dapat menjaga kepentingan mereka. Rentetan dari

hal tersebut, ia boleh dikatakan sebagai kebebasan. Kebebasan dianggap sebagai elemen yang sangat penting dalam hakikat manusia, membimbing seseorang ke arah mencapai potensi diri mereka secara individu, menyoroti nilai baik yang sepatutnya menjadi pendorong untuk pertumbuhan peribadi dan kesedaran diri (Nodari & Bartelli 2010). Oleh demikian, kebebasan yang diutarakan dalam subtema ini dapat dibuktikan menerusi petikan travelog haji Wolfe (1993) seperti berikut:

The heat had drained me, and a blister was starting up on my left foot. Still the walk had been worth it. I knew where we were now and seeing the many divisions of the quads brought home the uniqueness of our delegation. Our little block was a mixture of all the others. I appreciated more our ragtag makeup. In about equal numbers we were New World Muslims and Old World émigrés with Western passports. We had no common speech or skin among us. Exotic in the extreme, we were a sampler of the hadj under one rooftop, a patchwork quilt that drew on every quad. We were also the New Americans. Racially, nationally, despite the cotton towels, our party resembled a random slice of urban Rio or Los Angeles.


Maksud:

Panas telah membuatkan saya mengalami kehabisan tenaga dan lepuh mula timbul di kaki kiri saya. Sungguhpun begitu, perjalanan itu cukup berguna. Saya mula tahu di mana kami sekarang. Selain itu, dengan melihat pembahagian kumpulan yang banyak di perkarangan perkhemahan ini, saya mula menyedari akan keunikan kumpulan kami. Blok kecil kami merupakan gabungan semua model. Saya lebih menghargai gaya khemah kami yang ringkas. Dalam jumlah yang hampir sama kita adalah negara Islam baru dan pendatang dari Benua Eropah yang mempunyai pasport Barat. Di antara kita, kita tidak mempunyai bahasa atau warna kulit yang sama. Sungguh luar biasa. Kami merupakan kumpulan yang mengikuti haji di bawah satu bumbung. bagaikan selimut yang diperbuat daripada kain perca. Kami juga adalah orang Amerika yang baru. Selain daripada tuala kapas kami, secara kaum dan kebangsaan, kumpulan kami menyerupai bahagian rawak Rio atau Los Angeles (Pengkaji 2025).

Petikan di atas menggambarkan situasi Wolfe yang berada di Arafah pada ketika itu. Timbulnya gelembung pada kaki kiri Wolfe disebabkan oleh beliau berjalan kaki dalam keadaan cuaca panas yang mengakibatkan beliau mengalami kekurangan tenaga pada dirinya. Beliau menyatakan bahawa berjalan kaki memberikan manfaat kepadanya. Di sana, Wolfe melihat banyak khemah yang menempatkan para jemaah haji. Wolfe ditempatkan dalam khemah yang mempunyai beberapa jemaah yang Beliau tidak kenali. Secara tidak langsung, menyebabkan Beliau perasan bahawa para jemaah yang berada di dalam khemah tersebut berbeza adalah jemaah yang berbeza dari aspek warna kulit dan bahasa. Bagi Wolfe, percampuran jemaah yang berbeza sangat luar biasa. Malah, kebanyakan jemaah yang sama khemah dengan Wolfe dari Eropah. Dalam petikan tersebut, Wolfe membuat persamaan bahawa jemaah dalam khemah tersebut sama seperti masyarakat di Rio dan Los Angeles. Hal ini kerana, terdapat ramai masyarakat yang pelbagai jenis warna dan kulit di Rio dan Los Angeles. Berikutan dengan

petikan di atas ini menunjukkan kebebasan.

Sementara itu, Venkateshwarlu dan Sankasala (2019) menyatakan bahawa kebebasan manusia mempunyai pelbagai jenis. gambar rajah tentang jenis kebebasan manusia adalah seperti berikut:



Rajah 4: Jenis Kebebasan Manusia (Venkateshwarlu & Sankasala 2019)

Berdasarkan gambar rajah di atas, terdapat tujuh jenis kebebasan manusia. Daripada pelbagai jenis kebebasan manusia tersebut, dapat dikaitkan dengan petikan travelog haji Michael Wolfe iaitu kebebasan warganegara. Hal ini kerana menerusi petikan teks, ketika berada di Arafah, Michael Wolfe diletakkan dalam sebuah khemah yang terdapat pelbagai jemaah dari negara yang berbeza. Secara tidak langsung, menyebabkan Michael Wolfe mempamerkan perasaan yang agak unik dengan percampuran masyarakat tanpa sebarang permasalahan yang muncul. Selain kebebasan warganegara, didapati dalam petikan lain juga menunjukkan jenis kebebasan yang lain. Petikan tersebut adalah seperti yang berikut (Wolfe 1993):

Inside the horseshoe wall on its southern side lines of hadjis stood at Hagar's grave. The worshipers at this popular spot were always changing. Right now they were mostly Africans. I thought how at ease I had come to feel in this temple without pews, where the races mixed freely. Malcolm X had found relief here, too.

Maksud:

Di dalam tembok yang berbentuk tapak kuda, di sebelah selatan, terdapat barisan jemaah haji yang berdiri di kubur Hajar. Jemaah haji yang melakukan ibadah di tempat yang popular ini selalu bergilir-gilir. Hari ini, kebanyakan mereka adalah orang Afrika. Saya merasakan betapa damainya dan saya akan merasai di tempat ibadah tanpa bangku ini, di mana manusia bercampur bebas. Malcolm X juga menemui kebebasannya di sini (Pengkaji 2025).

Petikan di atas memaparkan keadaan yang berlaku di Hijir Ismail. Wolfe menyatakan bahawa bentuk Hijir Ismail seperti ladang dan terdapat ramai jemaah yang bergilir-gilir

mengerjakan ibadah. Kebanyakan para jemaah pada waktu tersebut adalah dari masyarakat Afrika. Rentetan itu, Wolfe merasa tenang kerana para jemaah bebas untuk melakukan ibadah tanpa ada sebarang perbezaan sekali pun. Bukan itu sahaja, Wolfe turut mengaitkan keadaan tersebut dengan Malcolm X. Simon (2005) menyatakan bahawa Malcolm X ialah seorang pemimpin kulit hitam revolusioner yang menghadapi penindasan dan penganiayaan, akhirnya menjadi tokoh paling berbahaya dalam sejarah Amerika Syarikat untuk berhadapan dengan kelas pemerintah.

Menerusi petikan di atas, jenis kebebasan yang dapat dikaitkan ialah kebebasan warganegara dan kebebasan bergerak. Hal ini kerana petikan tersebut menggambarkan bahawa masyarakat Islam afrika bebas untuk mengerjakan ibadah di Hijir Ismail. Tambahan pula, terdapat para jemaah yang melakukan ibadah secara bebas di sana. Secara tidak langsung, tidak mengganggu proses para jemaah lain untuk mengerjakan ibadah mereka.

Dua buah petikan yang diambil dalam travelog haji Wolfe yang kemudian dihuraikan seperti di atas ini berkait rapat dengan kebebasan manusia. Kebebasan manusia dalam menunaikan ibadah haji tanpa perbezaan adalah aspek asas yang berjaln dengan pelbagai hak dan tanggungjawab. Jemaah haji, dengan implikasi keagamaan dan sosial yang ketara, melibatkan pelbagai individu daripada latar belakang dan wilayah yang berbeza, menekankan kepentingan memastikan akses dan peluang yang sama untuk semua jemaah (Dorraj 2011).

Kebebasan manusia dapat dikaitkan dengan psikologi dan ia memainkan peranan yang signifikan untuk memahami bagaimana sikap dan tingkah laku individu mempengaruhi respons mereka terhadap cabaran, termasuk isu yang berkaitan dengan kebebasan manusia (Flores & Rubin 2022). Dalam pembangunan kebebasan, dimensi kesedaran kerohanian juga penting. Hal ini kerana kebebasan menjadi produk daripada lapisan kesedaran rohani, nilai, refleksif, dan eksistensial, yang bertujuan untuk merealisasikan diri dan memperbaiki diri (Stepanova 2022). Daripada huraian ini dapat disimpulkan bahawa kebebasan manusia yang dilihat oleh Wolfe adalah kebebasan yang membawa kepada perkara yang positif.

Secara khususnya, analisis berkaitan dengan kebebasan masyarakat Islam yang berlainan bangsa, bahasa dan kulit dalam subtema ini boleh dikaitkan dengan teori Spiritual Imam al-Ghazali. Ekoran dengan hal ini, menerusi empat unsur pendidikan kerohanian dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* dapat dikaitkan dengan unsur *Aql*. Hal ini kerana, dalam petikan pertama menunjukkan yang Wolfe sedar tentang percampuran jemaah haji yang berbeza kulit dan bahasa. Hal ini mempamerkan kesedaran yang dialami oleh beliau dan menunjukkan suatu perkara yang baik. Malah juga dapat dikaitkan dengan unsur *Qalb*. Contohnya, dalam petikan dua dapat mengaitkan Wolfe melihat orang Afrika yang bebas beribadah di Hijir Ismail membuatkan beliau menjadi tenang. Rentetan daripada perkara tersebut, prinsip teori Imam al-Ghazali yang berkaitan dengan kebebasan masyarakat Islam yang berlainan bangsa, bahasa dan kulit adalah Tazkiyah Nafs.

Secara rangkumannya, subtema ini berkaitan dengan kebebasan masyarakat Islam yang berlainan bangsa, bahasa dan kulit. Kebebasan yang dianalisis berkenaan dengan situasi yang dialami oleh Wolfe seperti dalam dua petikan terpilih meenusi travelog hajinya. Kebebasan ini dapat dianalisis berkenaan dengan percampuran jemaah haji yang berlainan kulit, bahasa yang Wolfe alami dan menjadi sedar akan percampuran tersebut. Seterusnya, kebebasan tentang orang Afrika yang beribadah di suatu tempat bernama Hijir Ismail. Daripada hal ini, menyebabkan Wolfe berasa tenang disebabkan tidak ada diskriminasi berlaku. teori Imam

Spiritual Imam al-Ghazali yang dapat dikaitkan, iaitu *al-Aql* dan *al-Qalb*. Melalui prinsip yang diterapkan dalam teori tersebut, petikan teks diatas bersangkut paut dengan Tazkiyah Nafs. Oleh yang demikian, dengan adanya pandangan Wolfe yang terdapat unsur *al-Aql* dan *al-Qalb* menyebabkan beliau merasakan bebasnya masyarakat dalam menjalankan kehidupan mereka

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, analisis terhadap pandangan Wolfe dalam travelog *The Hadj: An American Pilgrimage to Mecca* menunjukkan bagaimana pengalaman seorang muallaf yang menunaikan ibadah haji mampu memperlihatkan dinamika masyarakat Islam dari dua sudut utama: masyarakat berilmu dan masyarakat yang bebas beribadah. Kekaguman Wolfe terhadap individu Muslim yang mempunyai kefahaman mendalam tentang ibadah haji mencerminkan keutamaan ilmu dalam membimbing ke arah pelaksanaan ibadah yang sah dan bermakna. Pandangan ini turut dapat ditafsir melalui lensa teori spiritual Imam al-Ghazali, khususnya unsur *Aql*, Tazkiyah al-Nafs dan Akhlak Karimah yang menekankan pentingnya pembersihan jiwa dan penggunaan akal dalam memahami serta menghayati agama.

Pada masa yang sama, Wolfe turut menzahirkan penghargaan terhadap keterbukaan dan kebebasan masyarakat Islam yang berbeza bangsa, bahasa dan latar belakang untuk beribadah secara harmoni dan tanpa diskriminasi. Pengalaman beliau menyaksikan suasana ibadah yang inklusif dan damai memperkukuh naratif bahawa Islam mengangkat persaudaraan sejagat di atas perbezaan lahiriah. Hal ini dapat dikaitkan pula dengan unsur *Qalb* dalam teori al-Ghazali yang membawa kepada ketenangan rohani melalui pengalaman ibadah yang bebas dan tulus.

Kesimpulannya, perspektif Wolfe terhadap masyarakat Islam melalui pengalaman hajinya bukan sahaja memperkaya pemahaman kita tentang peranan ilmu dan kebebasan dalam Islam, malah membuka ruang untuk menghayati bagaimana nilai-nilai spiritual dan kemanusiaan berfungsi dalam mengukuhkan identiti serta perpaduan umat Islam secara global. Pengalaman seorang muallaf seperti Wolfe menjadi cerminan bahawa haji bukan sekadar ibadah fizikal, tetapi satu perjalanan transformasi jiwa dan pemahaman yang mendalam terhadap erti menjadi sebahagian daripada ummah. Dalam dunia sastera kembara, kajian travelog muallaf masih kurang dikaji, dan diharapkan pengkaji lain pada masa akan datang akan mengembangkan kajian seumpama penulisan ini.

Rujukan

- al-Ajarma K. (2021). After Hajj: Muslim pilgrims refashioning themselves. *Religions* 12(1): 1-14.
- Adul, S. (2014). Sumber pengetahuan beragama dan tahap kefahaman muallaf di bahagian Pantai Barat Sabah. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu,
- Anon. (2014). Biography. <https://www.michaelwolfeauthor.net/bio.htm>. [14 Mei 2014]
- Bokhary, H., Barasheed, O., Abd El Ghany, M., Khatami, A., Hill-Cawthorne, G. A., Rasheed, H. & Hajj Research Team. (2020). Pilot survey of knowledge, attitudes and perceptions of hajj deployed health care workers on antibiotics and antibiotic prescriptions for upper

- respiratory tract infections: Results from two hajj seasons. *Tropical Medicine and Infectious Disease* 5(18): 1-11.
- Caidi, N. (2023). Curating post-Hajj experiences of North American pilgrims: Information practices as community-building rituals. Dlm. Buitelaar, M.W. & van Leeuwen, R.L. (pnyt.). *Narrating the Pilgrimage to Mecca*, hlm. 369-390. Leiden: Brill.
- Commins, D. (1994). Michael Wolfe, *Hadj: An American's Pilgrimage to Mecca*. Ulasan Buku. *International Journal of Middle East Studies* 26(4): 722-723.
- Coulibaly, D, Traore, Y., N'gattia, A.K., Ahoussou, K.E.M., Kangah, E.A., Kadjo, H.A., Cherif, D. & Dagnan, S.N. (2016). Knowledge and risk perception of the middle-east respiratory syndrome corona virus [MERS-CoV] among Ivoirian hajj pilgrims in 2013. *Journal of Public Health and Epidemiology* 8(9): 152-157.
- Dorraj, M. (2011). Islam and human rights: Ideals and practices. Dlm. Monshipouri, M. (pnyt.) *Human Rights in the Middle East*, hlm 41-56. New York: Palgrave Macmillan.
- Edruce, S.A.A.H, Nizar, T.J. & Yusof, F.M. (2014). Tahap kefahaman jemaah haji Malaysia terhadap pelaksanaan ibadat haji: Satu penilaian kuantitatif. *Jurnal Teknologi* 68(1) : 133-139.
- Flores, R.L. & Rubin, N.S. (2022). Psychology and human rights: Addressing equity, inequality, and the SDGs in the COVID-19 era. *International Perspectives in Psychology: Research, Practice, Consultation* 11(3): 161-168.
- Fuadia, N.N. (2020). Peran psikologi massa bagi pembimbing ibadah haji. *Wawasan: Jurnal Kediklatan Balai Diklat Keagamaan Jakarta* 1(2): 22-32.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1967). *Ihya' 'Ulum al-Din*. al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- al-Ghazali. (1994). *Ihya' 'Ulumuddin*. Terj: Moh. Zuhri, dkk. Semarang: CV. Asy Syifa.
- al-Ghazali. (2003). *Ihya' 'Ulumuddin*. Terj. Moh. Zuhri, dkk. Jil. 3. Semarang: As-Syifa.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1998). *Ihya' 'Ulum al-Din*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Goni, M.D., Hasan, H., Wan-Arfah, N., Naing, N.N., Deris, Z.Z., Arifin, W.N., Baaba, A.A., Aliyu, A. & Adam, B.M. (2020). Health education intervention as an effective means for prevention of respiratory infections among hajj pilgrims: A review. *Front Public Health* 3(8): 449, doi: 10.3389/fpubh.2020.00449
- Hamjah, S.H. (2021). Psikologi pendidikan mualaf. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia*, hlm. 115-130.
- Haq, F. & Jackson, J. (2009). Spiritual journey to Hajj: Australian and Pakistani experience and expectations. *Journal of Management, Spirituality & Religion* 6(2): 141-156.
- Iqbal, Abu Muhammad. (2013). *Konsep Pemikiran al-Ghazali tentang Pendidikan*. Madiun: Jaya Star Nine.
- Kateman, A. (2023). Experiencing the hajj in an age of change: Tuning the emotions in several hajj accounts of pilgrims travelling from Morocco and Egypt in the first half of the twentieth century. Dlm. Buitelaar, M. & Leeuwen, R.V. (pnyt.). *Narrating the Pilgrimage to Mecca*, hlm. 183-203. Leiden: Koninklijke Brill.
- Mahmud, Ali Abdul Halim. (2004). *Akhlak Mulia*. Terj. Abdul Hayyie al-Kattani. Jakarta: Gema Insani.
- Majid, M.A., Shaharuddin, S.A., Usman, A.H. & Sungit, F. (2016). The conversion of Muallaf

- to Islam in Selangor: Study on behavior and encouragement. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7(3 S1): 19-26.
- Stepanova, N.A. (2022). Theoretical model of the structure of freedom in psychology. *Psikhologicheskii Zhurnal* 43(5):17-26.
- Nodari, P.C. & Bartelli, G. (2010). O conceito de liberdade na antropologia filosófica de lima vaz. *Teocomunicação* 40(1): 65-89.
- Ramadanti, N., Pramono, A.K., Azzizah, R.N., Muna, Z.F.N. & Prastowo, A. (2022). Islamic character education in Hajj material book Fikih Madrasah Ibtidaiyah Class 5. *Al-Misbah: Jurnal Islamic Studies* 10(1): 58-70.
- Simon, J.J. (2005). The achievement of Malcolm X. *Monthly Review* 56(9): 25-31.
- Supriatna, E. (2019). Islam dan ilmu pengetahuan. *Jurnal Soshum Insentif* 2(1): 128-135.
- Uhlmann, M. (2015). Choosing Islam in West European societies – An investigation of different concepts of religious re-affiliation. *EUI Working Paper RSCAS* 2015/90. Robert Schuman Centre for Advanced Studies, 1-12.
- Venkateshwarlu, M. & Sankasala. M. (2019). The meaning, ideas, dimensions and types of freedom in human existence. *International Journal of Advanced Research* 7(1): 901-904.
- Wolfe, M. (1993). *The Hadj: An American's Pilgrimage to Mecca*. New York: Atlantic Monthly Press.
- Wolfe, M. (1997). *One Thousand Roads to Mecca: Ten Centuries of Travelers Writing about the Muslim Pilgrimage*. New York: Grove Press.